

Headline	Tipu umrah Masyarakat tidak ambil iktibar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	16	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	707 cm ²
Journalist	AMRAN ALI	AdValue	RM 10,753
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,260



Tipu umrah: Masyarakat tidak ambil iktibar

■ AMRAN ALI

ISU PENIPUAN pakej umrah bukan suatu perkara baru, kata Pengasas dan Pengarah Utas Travel & Tours Worldwide Holidays Sdn Bhd, Datuk Mohamad Din Yusoh.

Malah, beliau yang sudah berkecimpung di dalam bidang berkenaan sejak lebih 30 tahun lalu berkata, perkara ini sudah timbul sejak awal 1990-an lagi.

Cuma bezanya, katanya, pada ketika itu ia berlaku tidak seberapa, bagaimanapun ia semakin menjadi-jadi angkara syarikat yang semata-mata mahu mengejar keuntungan tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat umum.

Beliau mendedahkan, kira-kira 20 tahun lalu, syarikat terbabit menjadikan alasan kononnya mereka ada membuat pelaburan di dalam perniagaan air mineral di Makkah lantaran menawarkan pakej umrah pada harga rendah. Mereka hanya mengenakan kos separuh dari harga biasa sekitar RM2,000 lebih untuk satu pakej umrah.

"Ini dianggap sebagai peluang emas buat yang sudah tidak sabar mengerjakan ibadah di Tanah Suci. Tanpa berfikir panjang lantaran terus bersetuju dengan pakej ditawarkan itu.

Ada juga syarikat menjalankan perniagaan ala sistem piramid yang pada awalnya nampak cantik dan tersusun serta menjanjikan keuntungan tertentu kepada mereka yang mencburinya," katanya.

Namun, menurutnya, apabila ramai terpedaya dan syarikat terbabit berjaya mengumpul sejumlah wang yang besar, akhirnya mereka kabur dari pandangan.

Mohamad Din berkata, ketika negara mengalami kemelesetan ekonomi pada 1997 dan 1998, syarikat berkenaan begitu gah dan langsung tidak menampakkan mereka ber-

depan masalah.

"Atas keyakinan yang dilihat, ramai orang kita terpedaya dan terus melaburkan wang mereka atas motif pakej umrah. Dikatakan ketika itu ramai yang mengeluarkan wang simpanan masing-masing dari Tabung Haji, Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan sebagainya.

"Perkara seumpama itu, sehingga ke hari ini terus berlaku. Cuma jalan ceritanya sahaja yang berbeza-beza tetapi tujuan dan pengakhirannya tetap sama iaitu bermotif nafsu keuntungan semata-mata. Isu penipuan pakej umrah dianggap bagai menonton filem Hindustan apabila jalan cerita yang berlainan tetapi pengakhiran babaknya tetap serupa," katanya.

Hati-hati, tiada umrah percuma

Baru-baru ini, Mohamad Din pernah didatangi individu yang mendakwa mewakili 60 jemaah umrah berhasrat mengambil pakej di bawah syarikatnya, Utas Travel.

Individu terbabit menjelaskan, akan menjelaskan separuh daripada harga ditawarkan pada ketika itu. Manakala, bakinya akan dibiayai sebuah syarikat korporat yang kononnya atas tiket zakat.

"Saya menolak dan menjelaskan kepada mereka bahawa tiada yang percuma di kala ini. Lebih-lebih lagi sudah ramai yang terkena.

"Meskipun, nasihat demi nasihat diberikan kepada mereka, tetapi penerimaannya bagaikan mencurahkan air ke daun keladi. Malah, beliau sendiri pernah ditempelak rakan-rakan yang kononnya tidak mahu menyokong syarikat Melayu," katanya.

Beliau berkata, meskipun masalah itu dianggap sudah menjadi kebiasaan berlaku tetapi orang ramai tidak pernah belajar dan mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku.

"Yang sedihnya, penganiyaan itu

dilakukan oleh orang Melayu sendiri dan lebih malang menipu atas tiket ibadah.

"Sepatutnya di dalam situasi rakyat negara ini yang sudah lama merdeka, hampir 59 tahun, tidak seharusnya otak pemikiran kita mudah dijajah dengan perkara-perkara seperti ini.

"Kita tidak patut mudah ditipu lagi. Yang menipu adalah bangsa sendiri biarpun kaedahnya berbeza mengikut peredaran semasa," katanya.

Lebih menyedihkan, katanya, ada di kalangan mereka yang dianggap penipu ini sengaja mengelarkan diri mereka seorang ustaz atau al-Hafiz, padahal bukan.

Menurutnya, gelaran itu sengaja diletakkan bagi menyakinkan orang ramai dengan harapan meletakkan persepsi kononnya tidak mungkin ustaz menipu.

"Satu lagi kelemahan ketara orang kita apabila tidak selidik terlebih dahulu sebelum memilih agensi yang menawarkan pakej umrah. Beliau menasihati orang ramai supaya menilai terlebih dahulu harga yang ditawarkan syarikat pengendali umrah. Selidik sama ada syarikat terbabit mempunyai lesen mengendali umrah atau diiktiraf kerajaan Arab Saudi. Orang ramai juga boleh merujuk terus kedutaan Arab Saudi untuk mendapatkan kepastian," katanya.

Malah, katanya, pandangan setengah pihak yang menyatakan untuk memilih agensi umrah sesuai adalah dengan berpandukan kepada syarikat-syarikat diiklankan di dalam surat khabar adalah tidak tepat.

"Tidak semestinya agensi yang sering masuk iklan di akhbar itu amanah. Pernah berlaku, syarikat yang keluar surat khabar juga menipu.

"Justeru, saya ingin berkongsi tips untuk mengenalpasti syarikat yang benar-benar menawarkan pakej um-

Headline	Tipu umrah Masyarakat tidak ambil iktibar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	16	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	707 cm ²
Journalist	AMRAN ALI	AdValue	RM 10,753
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,260

rah. Selain menjalankan penyelidikan sama ada sesuatu syarikat itu berdaftar atau tidak, orang ramai juga perlu mengetahui dengan jelas pasaran semasa pakej umrah," katanya.

Untuk tujuan itu, katanya, sudah pastilah syarikat yang menawarkan pakej serendah harga di bawah RM4,000 dianggap tidak logik dan tidak masuk akal.

"Apa tidaknya, tambang kapal terbang sahaja secara puratanya sudah mencecah RM3,000 dan ia belum termasuk kos lain seperti penginapan, makanan dan pengangkutan. Justeru, harga paling ideal adalah sekitar RM5,000," katanya.

Beliau berkata, sekiranya turun harga sekalipun, pakej ditawarkan biasanya pada kadar RM4,800 atau RM4,900 yang sering dianjurkan dalam April iaitu semasa orang kurang pergi menunaikan ibadah umrah selain harga hotel ketika itu agak murah sedikit.

Manakala, pakej biasanya lebih mahal apabila musim padat dengan jemaah yang berlaku kebiasaannya pada bulan Ramadan dan cuti persekolahan iaitu dalam bulan Disember, Mac atau Mei.

"Berikutan itu, saya mengingatkan supaya masyarakat berhati-hati dan jangan terlalu ghairah dengan syarikat yang menawarkan harga lebih murah daripada itu. Pasti ada yang tidak kena.

"Anehnya, yang mudah terkena bukan sahaja orang kampung yang buta huruf tetapi ramai juga di kalangan terpelajar seperti pemegang PhD, Master, pensyarah, doktor, kakitangan kerajaan, golongan profesional, turut tertipu. Perlu diingatkan mereka memang begitu pandai dan licik sehingga golongan terbabit pun mudah dipengaruhi.

"Satu lagi penyakit orang kita, gemar melakukan tawar menawar dalam urusan pakej umrah. Lantaran itu, ia diambil kesempatan oleh syarikat tertentu yang sememangnya tidak ikhlas dalam mengendalikan urusan umrah," katanya.

Beliau berkata, walaupun syarikat boleh bagi pengurangan har-

ga, kadang-kala sehingga RM500 ke RM1,000 tetapi kesannya sebaik tiba di Tanah Suci nanti apabila pakejnya tidak sama dengan orang lain yang jauh lebih selesa.

Kelemahan pemantauan

Mohamad Din berkata, orang kita apabila diperingatkan mengenai penipuan pakej umrah mereka akan sedar seketika tetapi ia berlaku sekejap sahaja dan pasti dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang akan hangat kembali isu penipuan ini.

"Kita lihat pada hari ini, heboh memperkatakan isu penipuan black money angkara orang kulit hitam atau bentuk penipuan lain, tetapi saban hari masih ramai yang terkena.

"Seperkara lagi, ramai yang menawarkan pakej umrah ini tidak mempunyai lesen. Lesen ini bermaksud syarikat yang berdaftar dengan kerajaan Arab Saudi. Ini satu perkara besar yang berlaku apabila jemaah kita tidak pernah ambil tahu.

"Malah, ada juga syarikat yang tiada lesen tetapi menggunakan lesen syarikat lain atau dalam istilahnya tumpang lesen orang. Jadi apabila berdepan masalah mereka tidak mahu bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata, setiap syarikat yang ingin mengiklankan pakej umrah haruslah telus. Contohnya, jarak jauh yang dinyatakan antara hotel penginapan dengan Masjidil Haram perlu dinyatakan sebagaimana syarat yang ditetapkan Tabung Haji ketika musim haji kepada syarikat-syarikat pengendali swasta.

"Kalau ada dua atau tiga pakej perlu dinyatakan supaya jemaah boleh membuat perbandingan dari segi jarak jauhnya. Saya juga ingin mencadangkan agar agensi yang berhasrat untuk mengendalikan pakej umrah harus meletakkan 'fix deposit' seperti mana yang ditetapkan Tabung Haji untuk urusan haji kepada pengendali swasta.

"Ia bagi memastikan syarikat berkenaan patuh pada peraturan yang ditetapkan. Perkara ini, harus diambil tanggungjawab oleh kementerian berkaitan misalnya Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) atau Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan," katanya.

Menurutnya, cadangan meletakkan 'fix deposit' sebagai jaminan pada jumlah sekitar RM500,000 hingga RM1 juta dan kini syarikat-syarikat yang berdaftar dengan kerajaan Arab Saudi dalam mengendalikan umrah ada meletakkan deposit dalam RM200,000 di sana.

Selain itu, katanya, ada kedengaran mengebai agensi umrah dikendalikan orang dalam kalangan bukan Islam.

"Apakah ini berlaku dan mereka tidak dikawal serta tidak diawasi? Setiap tahun kita bercakap atas perkara sama tetapi ia tetap berlaku dan gagal dipantau pihak bertanggungjawab. Malah, kelemahan masyarakat hari ini gemar mengambil mudah dalam soal urusan pakej umrah sehingga ramai yang tertipu dan yang menipu," katanya ketika mengakhiri temubual.



MOHAMAD DIN

Headline	Tidak serik dan tidak ambil iktibar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,489



Tidak serik dan tidak ambil iktibar

Oleh AMRAN ALI

ISU penipuan pakej umrah bukan suatu perkara baru, kata Pengasas dan Pengarah Utas Travel & Tours Worldwide Holidays Sdn. Bhd, Datuk Mohamad Din Yusoh.

Malah, beliau yang sudah berkecimpung di dalam bidang itu sejak lebih 30 tahun lalu berkata, perkara ini sudah timbul sejak awal tahun 1990-an lagi.

Cuma bezanya, pada ketika itu ia tidak banyak berlaku dan kemudiannya masalah penipuan umrah ini semakin menjadi-jadi gara-gara syarikat yang mahu mengejar keuntungan tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat umum.

Beliau mendedahkan, kira-kira 20 tahun lalu, syarikat terbabit menjadikan alasan kononnya mereka ada membuat pelaburan di dalam perniagaan air mineral di Mekah lantaran menawarkan pakej umrah pada harga rendah. Syarikat ini hanya mengenakan kos separuh daripada harga biasa iaitu sekitar RM2,000 lebih untuk satu pakej umrah.

"Ini dianggap sebagai peluang keemasan buat yang sudah tidak sabar mengerjakan ibadah di Tanah Suci. Tanpa berfikir panjang terus bersetuju dengan pakej yang ditawarkan itu," katanya.

Menurut beliau, ada juga syarikat yang menjalankan perniagaan ala sistem piramid yang pada awalnya nampak cantik dan tersusun serta menjanjikan keuntungan tertentu kepada mereka yang menceburinya.

Namun, apabila ramai terpedaya dan syarikat terbabit berjaya mengumpul sejumlah wang yang besar, akhirnya mereka kabur daripada pandangan.

Mohamad Din menambah, sekitar 1997 dan 1998 dan ketika itu negara mengalami kemelesetan ekonomi syarikat berkenaan begitu gah dan langsung tidak menampakkan mereka berdepan masalah.

"Atas keyakinan yang dilihat, ramai orang kita terpedaya dan terus melaburkan wang mereka atas motif pakej umrah," jelasnya.

Dikatakan ketika itu ramai yang mengeluarkan wang simpanan masing-masing dari Tabung Haji, Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan sebagainya.

Perkara seumpama itu, sehingga ke hari ini katanya, terus berlaku. Cuma jalan ceritanya berbeza-beza tetapi tujuan dan pengakhirannya tetap sama iaitu bermotif keuntungan semata-mata.

Isu penipuan pakej umrah bagi menon-ton filem Hindustan apabila jalan cerita berlainan tetapi pengakhiran babakannya tetap serupa.

Beliau memberitahu, baru-baru ini

didatangi individu yang mendakwa mewakili 60 jemaah umrah yang berhasrat mengambil pakej di bawah syarikatnya, Utas Travel. Individu terbabit membeberitahu akan menjelaskan separuh daripada harga yang ditawarkan pada ketika itu. Manakala, bakinya akan dibiayai oleh sebuah syarikat korporat yang kononnya atas tiket zakat.

"Saya menolak dan menjelaskan bahawa tiada yang percuma di kala ini. Lebih-lebih lagi sudah ramai yang terkena," katanya.

Katanya, meskipun, nasihat demi nasihat diberikan kepada mereka, tetapi penerimaannya bagaikan mencurahkan air ke daun keladi. Malah, beliau pernah ditempelak rakan-rakan kononnya tidak mahu menyokong syarikat Melayu.

Menurut beliau, meskipun masalah itu dianggap sudah menjadi kebiasaan tetapi orang ramai tidak pernah belajar dan mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku.

Yang sedihnya, penganiayaan itu dilakukan oleh orang Melayu sendiri dan lebih malang menipu atas tiket ibadah.

"Sepatutnya di dalam situasi rakyat negara ini yang sudah lama merdeka, tidak seharusnya otak pemikiran kita mudah dijajah dengan perkara-perkara seperti ini.

"Kita tidak patut mudah ditipu lagi. Yang menipu adalah bangsa sendiri biarpun kaedahnya berbeza mengikut peredaran semasa," katanya.

"Tambahnya, ada juga di kalangan mereka yang dianggap penipu ini sengaja menggelarkan diri seorang ustaz atau al-Hafiz, padahal bukan. Gelaran itu sengaja

diletakkan bagi meyakinkan orang ramai dengan harapan meletakkan persepsi kononnya tidak mungkin ustaz menipu.

"Satu lagi kelemahan ketara orang kita apabila tidak selidik terlebih dahulu sebelum memilih agensi yang menawarkan pakej umrah," ujarinya.

Justeru, beliau menasihati orang ramai supaya menilai terlebih dahulu harga yang ditawarkan. Selidik sama ada syarikat terbabit mempunyai lesen mengendali umrah atau diiktiraf oleh kerajaan Arab Saudi.

Orang ramai juga, katanya, boleh merujuk tertis Kedutaan Arab Saudi untuk mendapatkan kepastian.

Beliau menambah, pandangan sesetengah pihak yang menyatakan untuk memilih agensi umrah sesuai adalah dengan berpandukan kepada syarikat-syarikat diiklankan di dalam surat khabar adalah tidak tepat.

"Tidak semestinya agensi yang sering

Headline	Tidak serik dan tidak ambil iktibar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,489

masuk iklan di akhbar itu amanah. Malah pernah berlaku, syarikat yang keluar surat khabar juga menipu," katanya.

Justeru, beliau mahu berkongsi tips untuk mengenal pasti syarikat yang benar-benar menawarkan pakej umrah.

Katanya, selain menyelidik sama ada sesuatu syarikat itu berdaftar atau tidak, orang ramai juga perlu mengetahui dengan jelas pasaran semasa pakej umrah.

Untuk tujuan itu, katanya, sudah pastilah syarikat yang menawarkan pakej se-
rendah harga di bawah RM4,000 dianggap tidak logik dan tidak masuk akal.

"Apa tidaknya, tambang kapal terbang sahaja secara puratanya sudah mencecah RM3,000 dan ia belum termasuk kos

lain seperti penginapan, makanan dan pengangkutan. Justeru, harga paling ideal adalah sekitar RM5,000," jelasnya.

Terang beliau, sekiranya turun harga sekalipun, pakej ditawarkan kebiasaannya pada kadar RM4,800 atau RM4,900 yang sering dianjurkan dalam bulan April iaitu semasa orang kurang pergi menunaikan ibadah umrah dan harga hotel ketika itu agak murah sedikit.

Manakala, katanya, pakej biasanya lebih mahal apabila musim padat dengan jemaah yang berlaku pada bulan Ramadan dan cuti persekolahan iaitu dalam Disember, Mac atau Mei.

Maka, beliau mengingatkan supaya masyarakat berhati-hati dan jangan terlalu ghairah dengan syarikat yang menawarkan harga lebih murah daripada itu.

Anehnya, yang mudah terkena bujukan sahaja orang kampung yang buta huruf tetapi ramai juga di kalangan terpelajar seperti pemegang PhD, Master, pensyarah, doktor, kakitangan kerajaan dan golongan profesional lain. Perlu diingatkan mereka memang begitu pandai dan licik sehingga golongan terbabit pun mudah dipengaruhi.

"Satu lagi penyakit orang kita, gemar tawar-menawar dalam urusan pakej umrah. Lantaran itu, ia diambil kesempatan oleh syarikat tertentu yang sememangnya tidak ikhlas dalam mengendalikan urusan umrah," jelasnya.

Katanya, mereka boleh memberi pengurangan harga, kadang-kala sehingga RM500 ke RM1,000 dan kesannya sebaik sahaja tiba di Tanah Suci nanti sudah pasti pakejnya tidak sama dengan orang lain yang jauh lebih selesa.

"Orang kita apabila diperingatkan mengenai penipuan pakej umrah mereka akan sedar seketika tetapi ia berlaku sekejap sahaja dan pasti dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang hangat kembali isu ini," katanya.

Lihat saja pada hari ini, tambahnya, heboh diperkatakan isu penipuan *black money* angkara orang kulit hitam atau bentuk penipuan lain tetapi saban hari masih ramai yang terkena.

Seperkara lagi, katanya, ramai yang

menawarkan pakej umrah ini tidak mempunyai lesen. Lesen ini bermaksud syarikat yang berdaftar dengan kerajaan Arab Saudi. Ini satu perkara besar yang berlaku apabila jemaah kita tidak pernah ambil tahu. Malah, ada juga syarikat yang tiada lesen tetapi menggunakan lesen syarikat lain atau dalam istilahnya menumpang

lesen orang lain. Maka apabila berdepan masalah mereka tidak mahu bertanggungjawab.

"Soal visa juga satu masalah. Visa sebenarnya dikeluarkan oleh kerajaan Arab Saudi. Mereka yang tidak dapat visa selalunya tidak mengikut syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi.

Soal tidak dapat visa pada saat akhir seperti jemaah diberitahu tentang tidak memperoleh visa ketika tarikh mahu berangkat sepatutnya tidak timbul," terang beliau.

Jelasnya lagi, kes seperti ini selalunya berlaku apabila syarikat menumpang lesen orang lain.

Mohamad Din berkata, setiap syarikat yang ingin mengiklankan pakej umrah mereka haruslah telus. Contohnya, jarak jauh yang dinyatakan antara hotel penginapan dengan Masjidil Haram perlu dinyatakan sebagaimana syarat ditetapkan Tabung Haji ketika musim haji kepada syarikat-syarikat pengendali swasta.

"Kalau ada dua atau tiga pakej perlu dinyatakan supaya jemaah boleh membuat perbandingan dari segi jarak jauhnya," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau mencadangkan agar agensi yang berhasrat mengendalikan pakej umrah meletakkan *fixed deposit* seperti mana ditetapkan Tabung Haji untuk urusan haji kepada pengendali swasta.

Ia bagi memastikan syarikat berkenaan patuh pada peraturan ditetapkan. Perkara ini, harus diambil tanggungjawab oleh Kementerian berkaitan misalnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) atau Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.


Cadangan yang diberi dengan meletakkan *fixed deposit* sebagai jaminan pada jumlah sekitar RM500,000 hingga RM1 juta.

Katanya, kini syarikat-syarikat yang berdaftar dengan kerajaan Arab Saudi dalam mengendalikan umrah ada meletakkan deposit dalam RM200,000 di sana.

Ada juga kedengaran tentang agensi umrah dikendalikan oleh orang dalam kalangan bukan Islam. Apakah ini berlaku dan mereka tidak dikawal serta tidak diawasi?

"Setiap tahun kita bercakap atas perkara sama tetapi ia tetap berlaku dan gagal dipantau oleh pihak bertanggungjawab. Malah, kelemahan masyarakat hari ini gemar mengambil mudah dalam soal urusan pakej umrah sehingga ramai yang tertipu dan yang menipu," ujarnya.

Headline	Tidak serik dan tidak ambil iktibar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,489




Orang kita apabila diperingatkan mengenai penipuan pakej umrah mereka akan sedar seketika tetapi ia berlaku sekejap sahaja dan pasti dalam tempoh dua atau tiga tahun akan hangat kembali isu ini

MOHAMAD DIN YUSOH
 Pengarah Utas Travel & Tours
 Worldwide Holidays Sdn. Bhd